



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya.

Tel : 603-88832545  
Faks : 603-88895542  
Email : ismailmerican@moh.gov.my

Rujukan: (13) dlm KKM-171/BKP/07/35/0519 Jld.2

Tarikh: 31Julai 2009

## **SENARAI EDARAN**

Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 9/2009**

**KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PANDEMIK INFLUENZA  
A(H1N1) 2009 BIL. 10/2009.**

### **1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dan mengambil tindakan pelaksanaan aktiviti pencegahan dan pengawalan Pandemik (H1N1) 2009 yang sedang melanda Malaysia pada masa ini seperti yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pandemik Influenza A(H1N1) Bil. 10/2009.

### **2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pandemik Influenza A(H1N1) Bil. 10/2009 telah diadakan pada 29 Julai 2009 dan telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Ketua Pengarah Kesihatan.
- 2.2 Berikutan bilangan kluster kejadian jangkitan influenza A(H1N1) yang meningkat dan melibatkan pelbagai sektor termasuk sekolah/institusi pengajian tinggi, tempat kerja dan di komuniti, ini memberi petunjuk bahawa kejadian penularan A(H1N1) di dalam komuniti telah menjadi semakin meluas terutamanya di tempat yang sesak.
- 2.3 Sehingga 29 Julai 2009, sebanyak 4 kematian yang berkaitan dengan jangkitan influenza A(H1N1) telah dilaporkan. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, selain daripada terdapat kelewatan kes mendapatkan rawatan, di segi rawatan kes juga didapati belum optimum di mana ujian virologi influenza tidak dibuat seawal mungkin. Pada musim pandemik influenza ini, para pengamal perubatan seharusnya memastikan ujian influenza A(H1N) bagi kes-kes pneumonia yang teruk. Kesedaran

mengenai jangkitan influenza A(H1N1) di kalangan pengamal perubatan perlu ditingkatkan lagi.

### 3. KEPUTUSAN MESYUARAT

Mesyuarat telah bersetuju agar tindakan dan kawalan yang sedang dilaksanakan diperkukuhkan lagi. Langkah-langkah kawalan yang perlu diambil adalah seperti berikut;

- 3.1 Influenza A(H1N1) boleh menyebabkan "*severe pneumonia*" terutama jika jangkitan berlaku pada individu yang berisiko seperti obes, diabetes, penyakit respiratori kronik dan individu dengan imuniti rendah (HIV, kanser dan sebagainya). Oleh itu, semua pengamal perubatan sama ada di hospital atau klinik termasuk swasta hendaklah mempunyai "*index of suspicion*" yang tinggi terhadap kes-kes pneumonia yang disebabkan oleh jangkitan virus influenza A(H1N1) terutamanya jika pesakit adalah terdiri daripada kumpulan berisiko tinggi. Bagi kes-kes pneumonia yang teruk hendaklah dirujuk untuk rawatan di wad hospital di mana sampel klinikal hendaklah diambil dan diuji untuk kemungkinan jangkitan influenza A(H1N1).
- 3.2 Semua kes "*severe pneumonia*" yang dirawat di hospital perlu diambil swab tekak untuk ujian influenza A(H1N1) dan dimulakan rawatan menggunakan antiviral dan diambil sejarah jangkitan ILI/influenza A(H1N1) dengan lebih teliti.
- 3.3 Semua kes "*severe pneumonia*" hendaklah diberi rawatan antiviral influenza dengan dos diganda (double) 150mg BD x 5/7.
- 3.4 Kes-kes ILI yang ringan boleh dirawat di rumah tetapi perlu memerhati simptom pneumonia yang menjadi bahaya seperti tanda-tanda sesak nafas, sakit dada dan tahap kesedaran (*alertness*) yang berubah. Mereka yang berisiko tinggi perlu segera mendapatkan rawatan di hospital. Kumpulan berisiko adalah seperti obes, diabetes, penyakit respiratori kronik dan individu dengan imuniti yang rendah.
- 3.5 Mereka yang bersimptom ILI atau demam selesema hendaklah sentiasa memakai *mask*. Ini untuk mengurangkan / memperlambatkan penularan penyakit dalam komuniti, termasuk mereka yang rapat dengan mereka yang mempunyai gejala ILI.
- 3.6 Ujian makmal untuk influenza A(H1N1) akan diperluas kepada hospital kerajaan Negeri. Maklumat selanjutnya akan dimaklumkan apabila persediaan akhir selesai bagi hospital kerajaan yang terlibat.
- 3.7 Sebanyak 21 hospital swasta telah diberi bekalan antiviral influenza untuk digunakan bagi merawat pesakit-pesakit influenza A(H1N1) atau disyaki.

- 3.8 Pihak Pengarah Kesihatan Negeri dikehendaki mengaktifkan Jawatankuasa Teknikal Pandemik Influenza peringkat Negeri supaya semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal Pandemik Influenza A(H1N1) yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dapat dilaksanakan di peringkat Negeri dan Daerah masing-masing dengan serta merta. Ahli Jawatankuasa ini juga perlu terdiri dari pihak Persatuan Perubatan terutamanya pihak perubatan swasta.
- 3.9 Semua Pegawai Kesihatan Daerah hendaklah sentiasa bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi / sekolah / tempat kerja bagi memastikan kejadian kluster ILI atau penularan jangkitan influenza A(H1N1) di tempat-tempat tersebut dicegah dan dikawal dengan cepat dan bersesuaian dengan situasi semasa.

#### **4. TARIKH BERKUATKUASA**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta-merta.

#### **5. PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah Kawalan Penyakit  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Aras 3, 4, 6 dan 8, Blok E10  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya.

Tel: 03088834370 / 88834421

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang ikhlas,



**TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD ISMAIL BIN MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.